

Inisiatif bantu pengusaha taska

Kerajaan Negeri beri bantuan pemilikan permit sah pada tahun depan

MORIB – Kerajaan Negeri Selangor akan mengenal pasti pengusaha taska yang masih belum mempunyai permit dalam usaha membantu golongan wanita yang menceburi bidang berkenaan mendapatkan pemilikan sah.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi dan Inovasi, Rodziah Ismail, berkata, pelbagai perancangan akan dilaksanakan pada tahun hadapan dan Kerajaan Negeri Selangor akan memperuntukkan dana bagi meningkatkan ekonomi golongan itu.

“Sebagai contoh sebahagian bayaran akan ditanggung Kerajaan Negeri bagi setiap anak yang dihantar kepada pengusaha terbabit dan selebihnya dibiayai oleh ibu bapa sendiri sebagai galakan

menggalakkan pengusaha terbabit meningkatkan ekonomi mereka.

“Dengan cara ini setiap pengusaha yang menjalankan aktiviti taska di rumah akan mendapat perlindungan dan dibantu oleh kerajaan negeri melalui saluran yang diperuntukkan,” katanya dalam Perasmian Seminar Perlindungan Undang-undang Terhadap Wanita Negeri Selangor Daerah Kuala Langat, anjuran Seksyen Sektorial Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dengan kerjasama Pejabat Daerah Kuala Langat di Hotel Impian, Morib, semalam.

Sementara itu, beliau turut menyeru kepada peserta program meningkatkan kefahaman mengenai undang-undang yang terdapat di



Rodziah memukul gong sebagai simbolik pelancaran Seminar Perlindungan Undang-undang Terhadap Wanita Negeri Selangor Daerah Kuala Langat, semalam.

Malaysia dalam melindungi kekejaman terhadap wanita.

Menurutnya, golongan wanita perlu diberi ruang untuk berkongsi masalah ber-

kaitan isu wanita di mana dapat membantu rakan-rakan yang menghadapi masalah.

Sementara itu, Pegawai Daerah Kuala Langat,

Mohamad Yasid Bidin, berkata, melalui seminar ini diharapkan peserta dapat mengambil peluang mendalami hak-hak mereka serta me-

mahami perundangan yang sedia ada berkaitan wanita.

Dengan cara ini katanya, peserta dapat membentangkan isu wanita yang terpinggir selain mengetahui perkara yang memberi impak dalam masyarakat hari ini.

“Program seumpama ini dapat melihat hala tuju wanita yang mampu bersaing dalam masyarakat melalui perkembangan ekonomi yang terus diceburi oleh golongan berkenaan.

“Tidak mustahil golongan wanita mampu menjana pendapatan yang lumayan dan tiada lagi isu wanita terpinggir,” katanya.

Hadir sama, Orang Besar Daerah Kuala Langat, Raja Dato Uzair Zainon Rashid Shah dan Adun Sijanggang, Dr Ahmad Yunus Hairi.